**SKEMA DAN PANDUAN PEMERIKSAAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2017**

**BAHASA MELAYU 1**

**SOALAN BAHAGIAN A**

1. **Format penulisan ulasan :**

| | | |
|---|---|---|
| **T** | **-** | **menepati tugasan** |
| **I** | **-** | **idea relevan, huraian jelas** |
| **B** | **-** | **gramatis dari segi kata dan ayat** |

2. Calon diminta menulis karangan yang panjangnya 200 patah perkataan ke atas.
3. Calon boleh menulis lebih daripada 250 patah perkataan.
4. Sekiranya calon menulis kurang daripada 200 patah perkataan – rujuk kriteria dalam peraturan pemarkahan.
5. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan idea-idea yang diberikan dalam soalan.
6. Jika huraian idea jelas, menarik dan matang dengan **tiga** idea – calon layak mendapat peringkat **cemerlang.**
7. Sekiranya calon menggunakan **satu** atau **dua** sahaja idea daripada soalan dan ditambah dengan idea sendiri – calon layak mendapat peringkat **cemerlang**.
8. Calon yang hanya menghuraikan **dua** idea sahaja – semak seperti biasa dan rujuk kriteria dalam peraturan pemarkahan.
9. Calon yang tidak menghuraikan mana-mana idea yang diberikan dalam soalan tetapi mengemukakan idea sendiri – diterima dan markah maksimum peringkat **Memuaskan.**
10. Pada akhir karangan pelajar, pemeriksa perlu menulis peringkat dan markah calon.

Contoh,

**Cemerlang - 26**

**Soalan 1**

Kebanyakan remaja lepasan Sijil Pelajaran Malaysia mengimpikan kerjaya yang dapat menjamin masa hadapan mereka.

Bincangkan pernyataan tersebut.

Format : Tiada

Tugasan Soalan

1. Calon mesti menjelaskan faktor-faktor pemilihan kerjaya bagi seseorang remaja.
2. Sekiranya calon menghurai pelbagai kerjaya tanpa menyentuh faktor-faktor kerjaya tersebut dipilih, markah di peringkat kurang memuaskan.
3. Sekiranya calon menghuraikan faktor pemilihan pelbagai kerjaya - terima.

**Soalan 2**

Facebook, Instagram dan WeChat merupakan antara media sosial yang kini menjadi keperluan dalam kehidupan remaja

Huraikan peranan ibu bapa untuk mengawal penggunaan Internet dalam kalangan anak-anak.

Format : Tiada

1. Calon perlu menghuraikan/menjelaskan peranan ibu bapa dalam mengawal penggunaan Internet dalam kalangan anak-anak. Calon perlu menyatakan contoh media sosial seperti Facebook, Instagram dan WeChat dalam karangan.

2. Calon menghuraikan/menjelaskan peranan ibu bapa secara umum sahaja dan tidak mengaitkan kawalan penggunaan Internet dalam kalangan anak-anak. Markah calon peringkat **memuaskan.**

3. Calon memasukkan peranan ibu bapa dan ahli keluarga lain. Karangan calon dianggap masih menepati tugasan. Markah calon peringkat **memuaskan.**

4. Calon memasukkan peranan ahli keluarga yang lain seperti abang, kakak, datuk atau nenek tanpa menulis peranan ibu bapa. Karangan calon dianggap kurang menepati tugasan. Markah calon peringkat **kurang memuaskan.**

**Soalan 3**

| Berjimat Cermat Amalan Mulia |
|---|

Ulaskan pernyataan tersebut

Format : Tiada

Tugasan Soalan:

1. Calon dapat mengulas kebaikan berjimat-cermat - terima.
2. Sekiranya calon menulis cara-cara/langkah-langkah/ berjimat cermat pelbagai pihak - terima

3. Sekiranya calon mengulas kebaikan berjimat-cermat serta menerangkan cara-cara/langkah-langkah/ berjimat cermat berkaitan diri sendiri sahaja. - terima

**Soalan 4**

Filem-filem Barat telah memberikan pelbagai pengaruh terhadap kehidupan masyarakat sejagat.

Huraikan pengaruh yang diterima oleh masyarakat sebagai akibat kemasukan filem-filem dari Barat ke negara mereka.

Format : Tiada

Kehendak Tugasan

1. Calon perlu menulis kesan positif dan kesan negatif filem-filem Barat terhadap masyarakat sesebuah negara. - Terima
2. Calon menulis pengaruh kesan positif sahaja filem-filem Barat . – Terima
3. Calon menulis pengaruh kesan negatif sahaja filem-filem Barat . – Terima
4. Calon menulis pengaruh kesan positif dan kesan negatif filem-filem tempatan . Markah calon peringkat **kurang memuaskan**.

**Soalan 5**

Peribahasa bagai lebah menghimpun madu bermaksud seseorang yang sangat rajin.

Tulis sebuah cerita berdasarkan peribahasa tersebut.

Kehendak soalan

1. Calon dikehendaki menulis sebuah cerita yang menepati maksud peribahasa yang diberi. Markah calon peringkat **Cemerlang**.
2. Cadangan isi untuk menulis cerita mestilah menepati keperluan seperti mempunyai permulaan, perkembangan, klimaks dan peleraian.
3. Cerita yang ditulis mestilah mengandungi nilai murni dan pengajaran yang dapat dijadikan teladan.
4. Calon menulis usaha-usaha yang menunjukkan kerajinan tetapi bukan dalam bentuk cerita. Markah calon peringkat **Memuaskan**.
5. Sekiranya calon menulis cerita secara naratif. Markah calon peringkat **Memuaskan**

**Bahagian A**
**(30 markah)**
**KRITERIA PENSKORAN**

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| **Cemerlang** | **26 – 30**<br>(28 – 30)<br>(26 – 27) | - menepati tema bahan rangsangan<br>- bahasa gramatis dari segi kata dan ayat<br>- penggunaan tanda baca betul dan tepat<br>- penggunaan kosa kata luas dan tepat<br>- wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik<br>- idea relevan, huraian jelas dan matang |
| **Kepujian** | **20 – 25**<br>(23 – 25)<br>(20 – 22) | - menepati tema bahan rangsangan<br>- bahasa gramatis dari segi kata dan ayat<br>- penggunaan tanda baca betul dan tepat<br>- penggunaan kosa kata luas<br>- wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi<br>- idea relevan, huraian jelas |
| **Memuaskan** | **15 – 19**<br>(17 – 19)<br>(15 – 16) | - masih menepati tema bahan rangsangan<br>- bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat<br>- penggunaan tanda baca masih betul dan tepat<br>- penggunaan kosa kata umum<br>- wacana masih lengkap, unsur bahasa masih bervariasi<br>- idea masih relevan, huraian masih jelas |
| **Kurang Memuaskan** | **10 -14**<br>(12 – 14)<br>(10 – 11) | - masih/kurang menepati tema bahan rangsangan<br>- bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat<br>- kesalahan tatabahasa/ejaan ketara<br>- penggunaan kosa kata terhad<br>- wacana kurang lengkap, unsur bahasa kurang bervariasi<br>- idea masih/kurang relevan, huraian masih/kurang jelas |
| **Pencapaian Minimum** | **01 – 09**<br>(06 – 09)<br>(01 – 05) | - murid tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis<br>- murid tidak memahami tema bahan rangsangan<br>- idea tidak menepati tema bahan rangsangan |

- murid tidak menunjukk
menulis

Catatan : - Tiada pemotongan markah bagi setiap kesalahan ejaan
- Calon digalakkan menggunakan ungkapan menarik (peribahasa, kata-kata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud al-Quran dan sebagainya)

**Bahagian B**
**Perincian Pemarkahan**
**Cara Pemeriksaan :**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan
2. Jika karangan : a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
   b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak ½ markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang
5. Cara menanda kesalahan isi , ejaan dan tanda baca :

( ) = Kesalahan isi

_______ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

◯ = Kesalahan tanda baca

**Bahagian B : Karangan Respons Terbuka**
**(100 markah)**
**KRITERIA PENSKORAN**

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| **CEMERLANG** | **80 – 100**<br>(90 – 100)<br>(80 – 89) | - penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat<br>- penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis<br>- ejaan dan tanda baca betul<br>- laras bahasa sesuai dengan tugasan<br>- penggunaan kosa kata luas dan tepat<br>- idea yang relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai<br>- pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggganan sesuai<br>- wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan<br>- penggunaan unsur bahasa bervariasi<br>- gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa |

| | | |
|---|---|---|
| **KEPUJIAN** | **66 – 79**<br>(73 – 79)<br>(66 – 72) | - penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat<br>- penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum<br>- ejaan dan tanda baca betul<br>- laras bahasa sesuai dengan tugasan<br>- penggunaan kosa kata luas dan tepat<br>- idea yang relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai<br>- pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggganan sesuai<br>- wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan<br>- penggunaan unsur bahasa bervariasi<br>- gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa |
| **BAIK** | **51 – 65**<br>(58 -65)<br>(51 – 57) | - penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai<br>- penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum<br>- penggunaan kosa kata umum<br>- laras bahasa sesuai mengikut tugasan<br>- idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai<br>- wacana masih lengkap<br>- penggunaan unsur bahasa masih bervariasi<br>- gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan |
| **MEMUASKAN** | **36 – 50**<br>(43 – 50)<br>(36 – 42) | - penggunaan pelbagai jenis kata terhad<br>- ayat kurang gramatis<br>- ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan<br>yang minimum<br>- laras bahasa kurang sesuai<br>- idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai<br>- wacana masih/kurang lengkap<br>- penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi<br>- gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan |
| **KURANG MEMUASKAN** | **21 – 35**<br>(28 – 35)<br>(21 – 27) | - penggunaan kata kurang tepat<br>- ayat tidak gramatis tetapi masih difahami<br>- terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara<br>- idea masih relevan/idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai<br>- pengolahan tidak menarik<br>- wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang<br>- Unsur bahasa tidak bervariasi/lemah<br>- gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah |

| | | |
|---|---|---|
| **PENCAPAIAN MINIMUM** | **01 – 20**<br>(11 – 20)<br>(01 – 10) | - keseluruhan karangan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis<br>- kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara<br>- idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai<br>- pengolahan tidak menarik<br>- wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai<br>- gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik<br>- keseluruhan karangan sukar/tidak difahami |

**SKEMA DAN PANDUAN PEMERIKSAAN TAMAT**